

Faks Maritim : 03-8889 1618

Ruj. Kami : KP/BM/JL/552 (7)
Tarikh : 7 Januari 2013

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/YH. Dato'/Tuan,

EDARAN SELEMBARAN PEROSAK ASING BERBAHAYA (INVASIVE ALIEN SPECIES- IAS)

Dengan hormatnya saya telah diarah merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/YH. Dato'/Tuan, Jawatankuasa Perosak Asing Berbahaya (*Invasive Alien Species* - IAS) Kebangsaan yang turut dianggotai oleh Kementerian Pengangkutan telah menyediakan selembaran yang mengandungi maklumat berhubung IAS. Dalam konteks perdagangan, IAS boleh tersebar ke dalam Negara melalui aktiviti import dan eksport serta pengoperasian air imbuhan (*ballast water*) kapal.
3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan selembaran tersebut untuk perhatian pihak YBhg. Dato'/YH. Dato'/Tuan. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/YH. Dato'/Tuan juga adalah dipohon untuk mengedarkan selembaran ini kepada golongan sasar berkaitan terutamanya operator-operator pelabuhan dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti import dan eksport.
4. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Dato'/YH. Dato'/Tuan terhadap perkara ini amatlah dihargai.


Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(AHMAD AFIQ JOHARI)
Bahagian Maritim
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
MALAYSIA

No. Tel : 03-8886 6163
Emel : afiqjohari@mot.gov.my



Peranan Anda

- Sebarkan maklumat PAB kepada semua terutama di kawasan kejiranan anda.
- Mengambil tahu dan mengenali PAB yang terdapat di persekitaran anda.
- Memusnahkan PAB yang terdapat di kawasan anda.
- Jangan beli organisma yang tergolong dalam kategori PAB dari dalam dan luar Negara.
- Melaporkan kepada pihak berkuasa seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perhutanan, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan Jabatan Taman Laut, jika ada organisma baru yang difikirkan sebagai PAB.
- Menyertai program penghapusan PAB melibatkan komuniti di kawasan anda.

PERHATIAN!

ANTARA PAB yang belum pernah memasuki Malaysia




Anthrax



South American Leaf Blight



Piranha



Red Ring Nematode


Urusejia Jawatankuasa
Perosak Asing Berbahaya Kebangsaan:
Bahagian Perlindungan Tanaman & Kuarantin Tumbuhan,
Jabatan Pertanian Kuala Lumpur

Phone: 03-26973077
Fax: 03- 26977205
Website: www.doa.gov.my



AWAS !!!

Perosak Asing Berbahaya (PAB) Invasive Alien Species (IAS)



ANTARA PAB yang telah masuk ke Malaysia

IMPAK	NAMA BIASA
<p>Dikesan pada tahun 2003 di Batu Pahat, Johor. Telah menyebabkan kemusnahan pada industri betik dengan anggaran kerugian hasil sebanyak RM51.5 juta (2008). Diwartakan sebagai perosak berbahaya di bawah Akta Kuarentin Tumbuhan 1976, keluasan serangan 879.1 ha (2010) di Semenanjung Malaysia.</p>	 <p>Mati Rosot Betik (<i>Erwinia papayae</i>)</p>
<p>Pertama kali dikesan di Puchong dan Subang pada tahun 1991. Kos kawalan dan pengurusan yang tinggi. Ianya telah diwartakan sebagai perosak berbahaya di bawah Akta Kuarentin Tumbuhan 1976 pada 19 Julai 2011 untuk mengurangkan kerosakan padi.</p>	 <p>Spuit Gondang Emas (<i>Pomacea canaliculata</i>)</p>
<p>Pertama kali dikesan pada tahun 1989. Penyakit ini telah memusnahkan industri tanaman limau di Malaysia.</p>	 <p>Penyakit Citrus Greening (<i>Liberobacter asiaticum</i>)</p>
<p>Penyakit ini mula dikesan di Amerika Latin pada tahun 1983. Pada tahun 1992, ianya telah merebak ke Asia iaitu di Taiwan dan China. Di Malaysia, penyakit ini dikesan pada awal tahun 2000.</p>	 <p>White Spot Syndrome</p>
<p>Pertama kali dilaporkan di Hong Kong. Penyakit ini merebak dengan cepat dalam industri perternakan ayam dan mengakibatkan kerugian yang tinggi. Ianya dikesan di Malaysia pada tahun 2004.</p>	 <p>Avian Influenza (H5N1)</p>

- Manusia - Penyakit haiwan seperti Selsema Burung boleh menjangkiti manusia dan menyebabkan kematian. PAB yang menyerang tanaman, ternakan dan ikan boleh mengakibatkan kebuluran seperti serangan belalang Locust di Afrika.
- Ekonomi - kerugian hasil dan peningkatan kos kawalan PAB adalah amat tinggi seperti kos kawalan rumput samudra di sawah padi melibatkan kos kawalan sebanyak RM 200 juta setahun dan kerugian hasil sehingga 70%.
- Alam sekitar - PAB boleh mengancam kepelbagaian biodiversiti. Pupusnya spesies-spesis tempatan termasuk spesies yang terancam atau berlainanya penghibridan dengan spesies asal yang akan mempengaruhi kepelbagaian genetik. PAB juga boleh menjelaskan nilai estetik untuk industri pelancongan.
- Perdagangan Antarabangsa
 - i) **Perdagangan Antarabangsa**
 - dibawa bersama di dalam produk-produk pertanian yang diimport
 - ii) **Pengangkutan**
 - dibawa bersama secara tidak langsung melalui kapal terbang, kapal laut, kontena dan lori
 - iii) **Manusia**
 - Aktiviti pelancongan dan penyeludupan
 - kemarau, banjir, angin dan penghijrahan haiwan
 - iv) **Kemasukan secara semula jadi**

Cara Kemasukan PAB

Apa itu Perosak Asing Berbahaya (PAB)?

Perosak Asing Berbahaya adalah organisma yang boleh berkembang biak dan tersebar ke tempat yang bukan persekitaran asalnya. Ia boleh mendatangkan kesan negatif ke atas sektor pertanian, manusia, ekonomi dan alam sekitar. Berdasarkan rekod, sektor pertanian adalah sektor paling terjejas oleh pencerobohan spesies asing. PAB boleh terdiri daripada serangga, patogen (bakteria, virus dan kulat), rumput, moluska, ikan, hidupan laut dan haiwan.

Kesan Kemasukan Perosak Asing Berbahaya

- Sektor pertanian - kesan PAB ke atas tanaman akan melibatkan kerugian hasil sehingga 100%, peningkatan kos kawalan, meningkatkan harga produk dan mengurangkan jumlah eksport.
- Sektor perternakan dan haiwan - PAB bawaan haiwan atau produk haiwan boleh menjelaskan pengeluaran industri ternakan seperti Selsema Burung. Lembu Gila dan penyakit Kuku Mulut.
- Sektor perikanan - PAB yang menyebabkan penyakit ikan dan udang mengurangkan pengeluaran dari kolam dan sangkar. Pembawaan organisma melalui air ballast juga menjelaskan hidupan marin.